

## Pola Interaksi Sosial di Kawasan Perumahan Terancang di Bandar Baru Bangi

KATIMAN ROSTAM  
WAN MAIMUNAH WAN ISMAIL

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan melihat pola-pola interaksi sosial di kawasan perumahan terancang dengan rujukan khas kepada Bandar Baru Bangi, Selangor. Data yang dikumpul dari satu penyelidikan lapangan telah dianalisis. Hasilnya menunjukkan bahawa umumnya penghuni kawasan perumahan tersebut berinteraksi dengan jiran mereka pada kadar sekurang-kurangnya dua kali seminggu. Interaksi tidak hanya dilakukan dengan jiran terdekat tetapi juga dengan jiran yang tinggal selorong atau di lorong yang lain di kawasan tersebut. Pola yang serupa dapat diperhatikan terhadap interaksi yang berlaku melalui penggunaan kemudahan sosial. Analisis Khi ganda dua menunjukkan bahawa jenis rumah kediaman dan pemilikannya beserta dengan boleh ubah sosioekonomi yang lain mempunyai hubungan yang signifikan dengan pola interaksi sosial penghuni berkenaan. Kesepadan, kerjasama dan keharmonian dalam masyarakat dapat dicapai melalui interaksi sesama ahli masyarakat. Kajian ini cenderung untuk mencadangkan bahawa dalam merancang sebuah kawasan kejiranan, satu dasar yang jelas tentang jenis rumah dan susunan kemudahan sosial diperlukan bagi mewujudkan masyarakat yang tersepadu dan harmoni.*

### ABSTRACT

*This study examines the patterns of social interaction in a planned housing area with particular reference to Bandar Baru Bangi, Selangor. Data from a field survey were analysed. Result of the analysis shows that generally residents of the housing area interact with their neighbours at least twice a week. Interactions occur not only with their close neighbours but also with those living in the same and other rows of houses in the area. Similar patterns of behavior can also be observed for interaction resulting from utilisation of social facilities. A Chi-square analysis demonstrates that house type and ownership together with other socio-economic variables are significantly related to social interaction patterns of the residents. It is generally believed that social intergration, cooperation and harmony in a*

*society can be achieved through interaction among members of the society. This study tends to suggest that in planning a neighbourhood, a clear cut policy on housing type and arrangement of facilities is required for the creation of socially integrated and harmonious society.*

## PENGENALAN

Kawasan kediaman yang lengkap dengan kemudahan ekonomi dan sosial, bersih, tersusun, selesa, aman serta dengan masyarakatnya yang harmoni adalah idaman setiap keluarga. Kawasan kediaman seperti itu biasanya hanya wujud di taman perumahan yang terancang. Melalui perancangan kawasan rumah kediaman yang rapi, keperluan ekonomi dan sosial bagi mewujudkan kejiranan yang baik dapat dijelmakan.

Aspek kualiti kejiranan dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Faktorfaktor tersebut termasuklah keadaan persekitaran fizikal khususnya yang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan, keselesaan dan keindahan semulajadi; faktor ekonomi khususnya yang berkaitan dengan peluang pekerjaan dan peluang-peluang lain bagi meningkatkan taraf hidup; dan faktor sosial seperti aras penyediaan kemudahan asas, kadar perlakuan jenayah serta keharmonian masyarakat. Sejakar dengan matlamat negara untuk melahirkan masyarakat yang aman, damai dan bersepadu, nilai harmoni dapat dijadikan teras pembentukan masyarakat. Nilai harmoni dapat dipupuk melalui hubungan sosial yang baik. Salah satu strategi bagi mewujudkan masyarakat harmoni ialah melalui perancangan rumah kediaman. Rumah kediaman dan kemudahan sosial yang tersusun dengan tujuan menggalakkan interaksi sosial dapat membantu memupuk masyarakat yang harmoni.

Kertas ini bertujuan membincangkan pola interaksi sosial penduduk Fasa Satu, Bandar Baru Bangi. Dalam kajian ini, pola interaksi sosial dibahagikan kepada dua: interaksi kejiranan meliputi hubungan dengan jiran sebelah menyebelah rumah, jiran selorong atau seblock dan sekawasan; dan interaksi bukan kejiranan iaitu interaksi kerana menggunakan kemudahan sosial.

Perbincangan juga akan ditumpukan terhadap faktor-faktor utama yang mempengaruhi pola interaksi sosial tersebut. Selain status sosial dan ekonomi, jenis rumah kediaman serta tempoh tinggal di lokaliti akan turut dianalisis untuk menentukan hubungannya dengan pola-pola interaksi sosial di Bandar Baru Bangi. Pengetahuan tentang interaksi sosial boleh dijadikan salah satu asas penting bagi menilai kualiti kejiranan. Pengalaman di bandar ini juga berguna bagi membantu menjelaskan fenomena yang serupa di tempat-tempat lain.

## INTERAKSI SOSIAL DI KAWASAN PERUMAHAN SEBAGAI SATU FENOMENA GEOGRAFI

Interaksi sosial ialah suatu proses hubungan dua hala yang melibatkan dua atau lebih individu atau kelompok pada suatu tempat dan waktu tertentu (Sills 1968, 237; Coser 1976, 143). Ia boleh berlaku di dalam atau luar bangunan, di tepi jalan, di padang permainan pada sebarang masa. Fenomenon ini terjadi apabila setiap kelompok lain pada kesempatan tertentu. Dalam proses tersebut, setiap individu berusaha dan saling menjangka untuk memahami tingkah laku individu lain dalam masyarakatnya. Proses penyesuaian diri berlaku bermula dengan pertemuan secara formal atau tidak formal, terutamanya di kawasan perumahan. Melalui tegur-sapa, berjabat-tangan, berbual, kunjung-mengunjungi dan bantu-membantu, interaksi sosial dapat melahirkan hubungan persahabatan. Perhubungan tersebut adalah asas bagi memupuk persefahaman, toleransi, kerjasama, saling mengenali dan tololong menolong bagi kepentingan bersama. Sifat-sifat tersebut adalah penting bagi pembentukan masyarakat progresif, bersepada dan harmoni.

Interaksi sosial juga berlaku dalam bentuk yang negatif. Pertemungan dua atau lebih individu yang bertentangan idea, nilai, dan kebiasaan boleh mencetuskan konflik. Interaksi sedemikian lazimnya menyebabkan perpecahan dalam masyarakat. Akibatnya, masyarakat tidak aman; pelbagai gejala dan masalah sosial berlaku. Fokus kajian ini hanyalah kepada interaksi sosial yang bersifat positif dan membina sahaja.

Interaksi sosial boleh berlaku di sebarang tempat dan waktu. Selain tempat kerja, interaksi lebih kerap berlaku di kawasan perumahan yang mempunyai lorong, laluan pejalan kaki, taman permainan, rumah ibadat, kedai dan kemudahan sosial yang lainnya. Kawasan perumahan adalah satu unit ruang kejiranan. Selain tempat kediaman, ia juga digunakan untuk bersantai, berehat atau berekreasi, menjalankan aktiviti harian yang membabitkan pergerakan seperti bekerja, ke sekolah, membeli-belah, bersukan, beribadat, bercucuk-tanam dan sebagainya. Hester (1984, 15) mendapati kebanyakan aktiviti bersantai dan berehat masyarakat di kawasan perumahan di bandar berlaku di lorong-lorong dan laluan pejalan kaki. Terutamanya jika kawasan perumahan tersebut mempunyai pelan berbentuk *cul-de-sac*. Oleh itu, susunan rumah kediaman dan kemudahan asas dapat menggalakkan berlakunya proses interaksi sosial yang berterusan. Hester (1984, 30) turut mencadangkan bahawa interaksi sosial boleh berlaku dan tabiatnya sama ada secara berkelompok, bersemuka, eksklusif, berselari atau sosialisasi dapat dijangka melalui penyusunan rumah dan kemudahan sosial. Melalui perancangan, unit kejiranan yang berkualiti dapat diwujudkan bagi melahirkan masyarakat yang progresif dan harmoni.

Greenberg et al. (1994) menyenaraikan bahawa selain keadaan persekitaran yang tidak terurus, pencemaran dan kesesakan, jiran yang tidak peramah serta tidak gemar berinteraksi (individualistik) juga adalah keadaan yang boleh menjelaskan kualiti sesebuah unit kejiranan. Kecenderungan untuk berinteraksi, selain didorong oleh situasi yang wujud di kawasan perumahan, juga dipengaruhi oleh status sosioekonomi penghuninya. Banyak kajian yang dijalankan menunjukkan terdapatnya hubungan rapat antara status sosioekonomi dengan pola interaksi sosial di kawasan perumahan (misalnya Willmot 1960; Hanson 1977; Abraham 1981 & Wan Halim Othman 1986). Penghuni kawasan perumahan yang mempunyai pendidikan asas, pekerjaan tetap, memiliki rumah kediaman serta kenderaan sendiri cenderung untuk berinteraksi lebih giat berbanding dengan penghuni yang sebaliknya. Hakikat ini menunjukkan bahawa masyarakat yang harmoni, bekerjasama dan bersepakutu adalah masyarakat yang gemar berinteraksi. Kewujudan suasana sedemikian di sesebuah kawasan perumahan menggambarkan ketinggian kualiti kejiranan kawasan tersebut. Suasana ini diingini oleh sebilangan besar masyarakat moden hari ini.

Di Malaysia, keinginan penduduk untuk mendiami kawasan kediaman yang berkualiti kejiranan yang tinggi, khususnya yang berdasarkan interaksi sosial yang rapat, amatlah ketara. Kerapatan hubungan sosial melalui interaksi menjamin keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan di kawasan perumahan. Lebih-lebih lagi bagi masyarakat Malaysia yang berbilang keturunan dan agama. Kajian yang dilakukan di beberapa tempat di negara ini mendapati pada umumnya penduduk desa dan bandar kecil mempunyai darjah interaksi sosial yang lebih tinggi berbanding dengan penduduk bandar besar (Abdullah Taib et al. 1980 & Sanusi Osman 1985). Salah satu cadangan bagi merapatkan hubungan sosial antara kaum di negara ini ialah melalui perancangan dan penyusunan kawasan perumahan. Susunan rumah kediaman yang menggalakkan interaksi sosial dapat diwujudkan di kawasan bandar (Zaharuddin Alias 1978, 23). Bagaimanapun, kajian ini tidak bertujuan untuk memfokuskan perbincangan kepada hubungan antara kaum malah sebaliknya melihat interaksi di kalangan masyarakat yang umumnya terdidik dan berpekerjaan tetap dengan majoritinya beragama Islam seperti yang terdapat di Bandar Baru Bangi.

## PEMILIHAN KAWASAN KAJIAN DAN METODOLOGI


Bandar Baru Bangi dipilih kerana masyarakatnya yang unik. Masyarakat Bandar Baru Bangi terbentuk akibat penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia serta beberapa institusi penyelidikan, dan pusat latihan

kakitangan sama ada awam atau swasta. Bandar Baru Bangi mula dimajukan pada tahun 1974 dengan penghuni awal tidak sampai 1,000 orang. Pada tahun 1990, penduduknya dianggarkan seramai kira-kira 27,620 orang (PKNS 1990). Penghuni awal ini yang rata-rata berpendidikan menengah dan tinggi bekerja di institusi pengajian tinggi dan pusat penyelidikan, telah mengangkat nilai-nilai sosial yang baik sebagai asas perkembangan masyarakat bandar tersebut. Oleh itu, masyarakat Bandar Baru Bangi hari ini terpupuk melalui nilai-nilai budaya yang murni dan berjaya meneruskannya hingga kini.

Masyarakat yang umumnya baru terbentuk itu mengamalkan satu budaya. Walaupun terdapat kaum bukan bumiputera yang menganuti agama bukan Islam tetapi bilangannya tidak ramai. Oleh kerana kajian ini hanya akan menumpukan perhatian kepada interaksi sosial, aspek hubungan kaum akan diabaikan. Justeru masyarakat Bumiputera (Islam) yang tinggal di Bandar Baru Bangi amat relevan sesuai dengan persoalan kajian ini.

Bandar Baru Bangi adalah sebahagian daripada zon pinggir Lembah Klang, dirancang berdasarkan konsep bandar taman. Bandar ini dilengkapi dengan kemudahan sosial seperti sekolah rendah dan menengah, pusat kesihatan awam dan swasta, surau, balai polis, pejabat pos, bomba, dewan serbaguna, kedai dan pasar harian yang diperlukan untuk kehidupan moden. Kawasan perindustrian menempatkan kilang-kilang yang mengeluarkan pelbagai jenis keluaran, menawarkan pekerjaan kepada penduduk sekitar Bandar Baru Bangi. Perancangan perumahannya pula dibuat dengan menerapkan konsep kejiranian bagi menggalakkan interaksi sosial dan perpaduan masyarakat. Pada prinsipnya, penduduk Bandar Baru Bangi mempunyai peluang yang luas untuk berinteraksi antara satu sama lain.

Bandar Baru Bangi dibahagikan kepada 16 seksyen dan kawasan perumahan terdapat di Seksyen 1,2,3,4,5 dan 16 sahaja. Kajian ini akan menumpukan perhatian kepada Seksyen 1 sahaja. Ia meliputi kawasan perumahan di Jalan 1/1 hingga Jalan 1/9 (Rajah 1). Kawasan tersebut dipilih kerana merupakan terawal sekali dimajukan dan didiami penduduk. Masyarakat kawasan tersebut adalah yang paling awal terbentuk dan menjadi peneroka serta pengasas masyarakat Bandar Baru Bangi keseluruhannya. Dalam banyak hal, mereka yang banyak membuat keputusan (melalui Persatuan Penduduk Bandar Baru Bangi yang juga berpusat di Seksyen 1), menerajui kepimpinan, serta menanamkan nilai-nilai sosial murni di kalangan penduduk setempat (Komunikasi persendirian dengan Persatuan Penduduk Bandar Baru Bangi 1994). Oleh kerana masyarakat di kawasan tersebut merupakan yang paling awal ditubuhkan maka keadaannya lebih mantap.



RAJAH 1. Seksyen 1 Bandar Baru Bangi

Terdapat sebanyak 956 unit rumah kediaman di kawasan perumahan Seksyen 1 ini. Ia dibina di atas tanah seluas 6,158 hektar, merupakan 35 peratus daripada jumlah kawasan perumahan di Bandar Baru Bangi. Perumahan di Seksyen 1 ini terdiri daripada empat jenis: rumah pangsa 372 buah, rumah teres kos rendah 173 buah, rumah kos sederhana 371 buah dan rumah kos tinggi 40 buah. Kepelbagaiannya jenis rumah menggambarkan perbezaan status ekonomi penduduknya. Hal tersebut mungkin mempunyai hubungan dengan pola interaksi sosial di

**Bandar Baru Bangi.** Hubungan itu juga adalah sebahagian daripada unsur yang ingin diteliti dalam kajian ini.

Sebahagian besar data yang diperlukan dalam kajian ini diperolehi melalui soal selidik yang dikendalikan pada awal 1992. Sejumlah 198 ketua keluarga telah dipetik secara rambang berstratum sebagai sampel kajian ini. Jumlah tersebut adalah 20 peratus daripada keseluruhan 956 unit rumah kediaman yang dijadikan asas kerangka persampelan. Pembahagian stratum dibuat bagi mengambil kira jenis rumah kediaman yang juga sebagai langkah untuk memastikan seluruh lapisan masyarakat yang berlainan status ekonomi terlibat dalam kajian ini. Sebanyak 28 peratus sampel diperolehi dari kawasan rumah pangsa; 28 peratus sampel juga dipetik dari kawasan perumahan berbandung; manakala 27 peratus dari kawasan rumah teres setingkat; selebihnya 17 peratus sampel dipetik dari kawasan perumahan sesebuah (banglo). Walaupun kajian ini tidak bertujuan meneliti hubungan antara kaum, persampelan juga memastikan supaya kira-kira 78 peratus kaum Bumiputera; 16 peratus Cina dan enam peratus kaum India diambil kira. Nisbah tersebut pada umumnya sejajar dengan komposisi kaum di kawasan tersebut pada waktu itu. Gerakan menyoal selidik dilakukan meliputi keseluruhan kawasan Seksyen 1 Bandar Baru Bangi.

Borang soal selidik yang mengandungi pertanyaan berstruktur dikemukakan kepada responden untuk diisi. Manakala sebahagiannya ditanyakan secara bersemuka. Selain maklumat keluarga dan status ekonomi yang relevan untuk dijadikan pemboleh ubah bebas (pengaruh), pertanyaan difokuskan kepada kekerapan berinteraksi yang bersifat kejiranan dan bukan kejiranan. Kekerapan berinteraksi diukur menggunakan lima skala; amat kerap (lebih dua kali seminggu atau 210 – 365 kali setahun), kerap (kira-kira sekali dalam seminggu atau 52 kali setahun), jarang-jarang (kira-kira sebulan sekali 12 kali setahun), kadang-kadang (kurang 6 kali setahun) dan tidak pernah sekali pun.

Sebagai penjelasan, bagi responden yang tinggal di rumah pangsa, interaksi dengan jiran selorong disamakan dengan jiran seblok. Hal ini dilakukan bagi mengecilkan skop jiran selorong di kawasan rumah pangsa yang terlalu besar. Jawapan dijadualkan dan dianalisis. Hasilnya dibincangkan dalam bahagian yang berikut.

## **POLA INTERAKSI SOSIAL**

Interaksi sosial di kawasan perumahan dalam kajian ini dapat dibahagikan kepada dua: pertama, interaksi kejiranan dan kedua, interaksi bukan kejiranan. Interaksi kejiranan pula diperingkatkan kepada tiga: iaitu jiran sebelah-menyebelah rumah; jiran satu lorong atau blok; dan jiran

sekawasan (qariah). Interaksi kejiranan diukur berdasarkan kekerapan bersama jiran melalui aktiviti bertegur-sapa, berbual, berkunjung ke rumah dan ziarah sempena upacara perayaan. Manakala interaksi bukan kejiranan diukur berdasarkan kekerapan bersama masyarakat melalui aktiviti persatuan, sukan, rekreasi, membeli-belah dan upacara ibadat.

#### INTERAKSI KEJIRANAN

Secara keseluruhannya, kadar interaksi sosial yang bersifat kejiranan di kalangan masyarakat Seksyen 1, Bandar Baru Bangi adalah tinggi. Hubungan dengan jiran sebelah-menyebelah rumah, dengan jiran selorong dan dengan jiran sekawasan, umumnya baik (Jadual 1).

Sekurang-kurangnya, 42 peratus penghuni kawasan tersebut bertegur-sapa dengan ketiga jenis jiran pada kadar lebih dua kali seminggu. Bagaimanapun, kadar ini menurun kepada 24 peratus bagi interaksi secara berbual-bual dan 4.5 peratus bagi hubungan melalui kunjungan. Walaupun interaksi melalui kunjungan ke rumah jiran umumnya jarang-jarang dilakukan, namun tidak ramai (28 peratus) penghuni yang tidak pernah mengunjungi jiran yang tinggal di sebelah rumahnya. Secara lebih terperinci, gambaran ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

Interaksi kejiranan pada umumnya lebih bersifat tempatan. Kekerapan berinteraksi dengan jiran lebih giat berlaku di kalangan jiran sebelah-menyebelah rumah terutamanya secara tegur-menegur dan berbual, berbanding dengan jiran-jiran seblok atau sekawasan. Corak interaksi sedemikian jelas berlaku terutamanya di kawasan perumahan pangsa, teres dan berbandung. Keadaan ini menunjukkan bahawa susunan rumah kediaman yang bersambung rapat memberi peluang yang lebih luas untuk mereka berinteraksi.

#### INTERAKSI BUKAN KEJIRANAN

Pemupukan hubungan harmoni dan saling hormat-menghormati tidak hanya dapat dilakukan melalui interaksi kejiranan. Penggunaan kemudahan perkhidmatan ataupun tempat-tempat pertemuan lain seperti kedai runcit, pusat beli-belah, tempat rekreasi, sukan, pusat persatuan, masjid dan surau juga boleh mewujudkan interaksi sosial yang baik. Kegiatan berinteraksi dengan masyarakat melalui penggunaan kemudahan dan berpersatuan membantu meningkatkan lagi hubungan rapat penduduk khususnya jika pertemuan tersebut berlaku di kawasan kejiranan masing-masing (Jadual 2).

Aktiviti membeli-belah dan penggunaan kemudahan retail mencekukkan interaksi yang tinggi di kalangan isi rumah di Seksyen Satu, Bandar Baru Bangi. Lebih 60 peratus isi rumah melakukan aktiviti tersebut sekurang-kurangnya seminggu sekali. Interaksi yang tinggi juga

JADUAL 1. Pola interaksi kejiranan di Seksyen 1, Bandar Baru Bangi

Cara berinteraksi	Peratus penghuni mengikut kekerapan					Jumlah %
	amat kerap	kerap	jarang-jarang	kadang-kadang	tidak pernah	
bertegur-sapa	54.1	26.8	15.1	4.9	0.0	100
	46.3	23.3	26.8	3.6	0.0	100
	41.9	27.4	28.5	1.1	1.1	100
berbual-bual di luar	37.3	28.8	26.8	3.0	4.1	100
	27.8	24.2	37.4	5.0	5.6	100
	23.7	21.7	45.5	0.0	9.1	100
berkunjung ke rumah	11.0	19.1	38.5	2.6	28.8	100
	4.5	12.1	56.6	0.5	26.3	100
	4.5	11.6	53.6	10.1	20.2	100
ziarah keraian & jemputan	0.0	0.0	0.0	100.0	0.0	100
	0.0	0.0	0.0	100.0	0.0	100
	0.0	0.0	0.0	65.2	34.8	100

Sumber: Kerja luar 1992

*Nota:* Peratusan yang ditunjukkan dalam jadual ini disusun mengikut urutan jenis jiran. Ia dimulai pada baris atas dengan jiran sebelah rumah, diikuti jiran selorong atau seblok pada baris kedua dan jiran sekawasan pada baris ketiga untuk setiap cara interaksi sosial.

didapati berlaku kerana menjalankan ibadat, khususnya bagi orang Islam melalui sembahyang berjemaah di masjid dan surau, sembahyang Jumaat, mendengar ceramah agama dan kelas agama. Walaupun masjid berada di luar, hampir setiap kawasan kejiranan disediakan surau. Lebih 54 peratus isi rumah mengunjungi masjid atau surau sekurang-kurangnya seminggu sekali. Aktiviti lain yang mencetuskan interaksi bukan kejiranan yang giat (setiap seminggu) ialah makan di medan makan atau restoran dan rekreasi yang masing-masing mencatatkan penglibatan isi rumah sebanyak 33.8 peratus dan 26.8 peratus. Interaksi melalui aktiviti persatuan dan sukan mencatatkan penglibatan yang paling rendah (masing-masing 12.1 peratus dan 17.1 peratus).

Dari segi medan interaksi bukan kejiranan, sejumlah 38 peratus isi rumah berkunjung ke tempat ibadat, perkhidmatan retail dan kedai makan yang tidak lebih satu kilometer jaraknya dari rumah kediaman. Sebaliknya bagi kegiatan berekreasi dan sukan, isi rumah mengunjungi tempat-tempat yang jaraknya melebihi satu kilometer. Perjalanan yang lebih jauh lagi dapat diperhatikan bagi aktiviti membeli-belah.

**JADUAL 2. Pola interaksi bukan kejiraninan penduduk di Seksyen 1,  
Bandar Baru Bangi (N = 198)**

Interaksi melalui aktiviti	peratus penghuni mengikut kekerapan					Jumlah %
	amat kerap	kerap	jarang- jarang	kadang- kadang	tidak pernah	
persatuan	0.5	11.6	35.2	4.7	48.0	100.0
bersukan	3.5	10.6	23.3	5.3	57.3	100.0
rekreasi	10.1	16.7	30.4	9.2	33.6	100.0
beli-belah	7.6	55.1	21.2	15.1	1.0	100.0
beribadat	25.7	29.0	33.3	1.0	11.0	100.0
peretailan	31.8	28.8	28.3	0.5	10.6	100.0
makan di restoren	11.6	22.2	55.6	1.0	9.6	100.0

Sumber: Kerja luar 1992

Aras interaksi yang rendah melalui aktiviti persatuan, sukan dan rekreasi serta perjalanan yang jauh bagi menggunakan kemudahan membeli-belah menunjukkan beberapa perkara, kawasan Seksyen 1, Bandar Baru Bangi masih kekurangan kemudahan pusat membeli-belah, sukan dan rekreasi; kedua, isi rumah tidak berminat untuk terlibat dengan persatuan, sukan dan rekreasi. Hakikat yang kedua ini didapati tidak sesuai sama sekali dengan ciri-ciri umur dan status pendidikan isi rumah kawasan tersebut. Lebih 80 peratus isi rumah di Seksyen 1, Bandar Baru Bangi adalah berumur di bawah 45 tahun dan 85 peratus berpendidikan sekurang-kurangnya tingkatan lima. Isi rumah yang umumnya masih aktif dan berpendidikan lazimnya gemar bersukan, berekreasi dan juga berpersatuan.

#### DIMENSI SOSIOEKONOMI DALAM INTERAKSI SOSIAL

Selain susunan rumah kediaman dan penyediaan kemudahan, status sosial dan ekonomi seperti tingkat pendidikan, pendapatan, umur dan tempoh tinggal di lokaliti, juga turut mempengaruhi pola interaksi sosial. Kajian di tempat-tempat lain menunjukkan wujudnya hubungan tersebut (misalnya Seeley 1973; Weiskopf 1978). Secara umum, ringkasan

**JADUAL 3. Ringkasan status sosial dan ekonomi isi rumah  
Seksyen 1, Bandar Baru Bangi (N = 198)**

status sosio-ekonomi	peratus
etnik Melayu	78.3
berumur 36 - 45 tahun	55.6
telah tinggal melebihi 5 tahun	58.6
tamat tingkatan 5	85.3
berpendapatan bulanan melebihi RM800	50.0
memiliki rumah sendiri	66.7
memiliki kenderaan sendiri	82.0

Sumber: Kerja luar 1992.

status sosial dan ekonomi isi rumah Seksyen 1, Bandar Baru Bangi ditunjukkan dalam Jadual 3.

Pada keseluruhannya, isi rumah Seksyen 1, Bandar Baru Bangi yang 49 peratus daripadanya lelaki mempunyai status sosial dan ekonomi yang sederhana. Rata-rata mereka berpendidikan menengah, bekerja dengan sektor awam dan telah lama tinggal di kawasan tersebut. Sebahagian besar daripada mereka memiliki rumah dan kenderaan sendiri. Kehidupan mereka dapatlah dianggap selesa.

#### **HUBUNGAN POLA INTERAKSI KEJIRANAN DENGAN CIRI-CIRI SOSIAL DAN EKONOMI**

Orang Melayu (Islam) rata-rata meletakkan jiran, khususnya jiran sebelah-menyebelah rumah dan selorong, tanpa mengira agama, sebagai keluarga yang paling dekat dan mempunyai hak penghormatan istimewa. Penghormatan ini memang dituntut Islam dan telahpun sebatی dalam budaya Melayu sejak dahulu lagi. Atas dasar tuntutan agama, sebahagian besar isi rumah di Seksyen 1, telah menzahirkan tanggungjawab tersebut dalam bentuk interaksi supaya masing-masing saling memahami dan menghormati antara satu sama lain.

Selain tuntutan agama dan budaya, interaksi juga dipengaruhi oleh perkara-perkara lain khususnya status sosial dan ekonomi isi rumah. Menggunakan Analisis Khi ganda dua, hubungan antara pola interaksi kejiranan dengan status sosial dan ekonomi isi rumah dapat ditunjukkan. Hasil analisis ini secara ringkas diperlihatkan dalam Jadual 4.

Analisis Khi ganda dua menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan (pada aras 0.05) antara kekerapan berinteraksi bagi semua jenis jiran, dengan jenis rumah yang didiami, status pekerjaan isi

JADUAL 4. Analisis khi ganda dua di antara pola interaksi kejiranan dengan ciri-ciri sosio ekonomi penduduk (N = 198)

jenis interaksi kejiranan	pola kekerapan	Ciri-ciri Sosio-Ekonomi				
		jantina	lama masa tinggal	pekerjaan	pemilikan rumah	pemilikan kenderaan
1. Jiran sebelah rumah	Bertegur sapa, berbual-bual	3.35 3.68	10.52 11.43	39.54 51.20	31.57 <b>49.33*</b>	35.56 30.20
	menziarahi biasa, menziarah kematian, perayaan/kenduri	4.48 0.82	13.94 20.05	42.59 16.96	29.41 26.42	23.12 25.56
2. Jiran 1 blok/ 1 jalan	Bertegur sapa	8.22	18.07	57.62	33.26	17.66
	berbual-bual, menziarah biasa, menziarah kematian, perayaan/kenduri	0.46 4.43 2.76	14.48 25.22 16.12	46.10 70.43 30.59	53.35 16.09 16.09	27.90 27.08 30.25
3. Jiran satu Qariah	Bertegur sapa, berbual-bual, menziarah biasa, menziarah kematian, perayaan/kenduri	5.82 1.24 1.13 0.10	17.16. 15.49 18.28 19.04	35.01 <b>35.44*</b> 15.64 56.20	14.51 18.75 13.21 68.99	21.28 36.31 10.39 18.90

\*Signifikan pada aras 0.05

rumah, serta pemilikan kenderaan, terutamanya interaksi secara bertegur sapa, berbual-bual dan berkunjung ke rumah jiran sebelah rumah. Isi rumah yang memiliki rumah kediaman jenis teres dan berbandung didapati lebih giat berinteraksi berbanding dengan mereka yang tidak berumah atau yang tinggal di rumah sesebuah.

Keadaan sedemikian tidak dapat diperhatikan dengan jelas di kalangan isi rumah yang berstatus pekerjaan tinggi. Umumnya, mereka kurang cenderung untuk berinteraksi dengan jiran-jirannya berbanding dengan mereka yang berstatus pekerjaan lebih rendah. Hal ini mungkin disebabkan beberapa perkara; pertama, susunan rumah kediaman golongan berstatus tinggi yang terpisah antara satu sama lain tidak menggalakkan mereka berinteraksi. Rumah yang terpisah oleh pagar, sesetengahnya bertembok dengan tujuan kesempurnaan, kebebasan persendirian, mungkin menjadi halangan besar untuk mereka bertegur-sapa atau berbual di halaman rumah sekalipun dengan jiran sebelahnya. Keduanya, isi rumah yang berstatus ekonomi lebih tinggi tidak mempunyai masa berada di rumah. Rata-rata mereka ini, khususnya golongan korporat, mempunyai jadual kerja yang ketat. Sebahagian besar masa dalam sehari atau seminggu diperlukan untuk berada di luar kawasan kejiranannya. Golongan ini mungkin jarang menampilkan diri secara tidak formal di kawasan kejiranannya mereka. Hal ini sebahagiannya menjelaskan rendahnya kadar interaksi golongan masyarakat yang berstatus tinggi. Ketiga, umumnya, para pemilik rumah teres, pangsa atau berbandung mempunyai penghormatan yang tinggi terhadap jirannya. Hubungan yang baik dan saling hormat menghormati menjamin kesejahteraan hidup mereka. Sebaliknya, jika hubungan tidak baik wujud secara berkekalan, kehidupan berjiran sudah pasti terjejas. Bagaimanapun, hubungan dengan pemboleh ubah lain khususnya jantina dan tempoh tinggal di lokaliti tidak begitu ketara, terutamanya interaksi dengan jiran selorong dan sekawasan.

Secara keseluruhan, analisis ini telah membuktikan bahawa wujud hubungan yang signifikan antara kekerapan berinteraksi kejiranannya dengan status sosial dan ekonomi isi rumah. Perancangan rumah kediaman, khususnya melalui susunan rumah kediaman, telah menggalakkan hubungan sosial yang rapat. Hal ini terbukti melalui interaksi yang tinggi di kalangan para pemilik rumah teres, berbandung dan pangsa. Sebaliknya, susunan rumah kediaman yang terpisah antara satu sama lain seperti di kawasan rumah sesebuah, kurang menggalakkan proses berinteraksi. Hal ini ditambah pula oleh kurangnya kesempatan isi rumah kawasan perumahan sedemikian berada di kawasan kejiranannya. Keadaan yang serupa mungkin dapat diperhatikan dalam interaksi bukan kejiranannya.

### HUBUNGAN POLA INTERAKSI BUKAN KEJIRANAN DENGAN STATUS SOSIAL DAN EKONOMI

Interaksi sosial juga berlaku melalui aktiviti yang umumnya dapat dikelaskan sebagai bukan kejiranan. Orang Melayu (Islam) tidak hanya meletakkan jiran pada kedudukan yang tinggi tetapi juga menjadikan masjid dan surau sebagai fokus aktiviti agama dan kebudayaan Islam. Bagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan pada corak interaksi isi rumah di Seksyen 1, Bandar Baru Bangi mengikut status sosial dan ekonomi mereka.

Analisis Khi ganda dua turut digunakan untuk memeriksa hubungan antara pola interaksi bukan kejiranan dengan status sosial dan ekonomi isi rumah. Hasil ujian menunjukkan sesetengah hubungan sosial yang bukan kejiranan, diukur berdasarkan kekerapan berinteraksi, dipengaruhi secara signifikan (pada aras 0.05) oleh pemboleh ubah seperti tempoh tinggal di lokaliti, pemilikan dan jenis rumah kediaman, pekerjaan, dan pemilikan kenderaan. Hubungan ini ketara bagi interaksi melalui aktiviti persatuan, rekreasi, membeli barang runcit dan makan di restoran. Ringkasan hubungan ini ditunjukkan dalam Jadual 5.

Interaksi melalui kunjungan ke rumah ibadat, fokus aktiviti agama dan kebudayaan Islam, didapati tidak mempunyai hubungan nyata dengan status pekerjaan serta pemilikan kenderaan. Hal ini bertentangan dengan kaedah yang berlaku dalam interaksi kejiranan. Namun begitu, pemilikan rumah kediaman mengikut jenis rumah, jelas menunjukkan hubungan yang signifikan dengan interaksi melalui kunjungan ke rumah ibadat. Begitu juga dengan pemboleh ubah jantina. Hakikat ini meny

**JADUAL 5.** Analisis Khi kuasa dua di antara pola interaksi bukan kejiranan dengan ciri-ciri sosioekonomi penduduk ( $N = 198$ )

Jenis/pola interaksi bukan kejiranan	Ciri-ciri sosioekonomi				
	jantina	lama masa tinggal	pekerjaan	pemilikan rumah	pemilikan kenderaan
persatuan	0.97	14.95*	11.32*	9.17	13.89*
riadah	9.96*	14.72	11.56	17.54*	7.85
rekreasi	2.75	26.20*	27.17*	23.21*	10.24
pusat membeli- belah	0.86	13.15	16.17	8.21	21.65*
rumah ibadat	18.31*	7.72	27.16	22.34*	8.75
kedai runcit	2.14	12.78	66.07*	81.84*	41.39*
kedai makan	7.13	25.15*	35.56*	33.17*	36.09

\*Signifikan pada aras 0.05

kong penemuan yang mengaitkan pemilikan rumah kediaman mengikut jenis rumah dengan kekerapan isi rumah berinteraksi. Umumnya, isi rumah yang mendiami kawasan rumah kediaman jenis teres, berbandung dan pangsa lebih cenderung untuk berinteraksi melalui kunjungan ke rumah-rumah ibadat berbanding dengan isi rumah yang mendiami perumahan jenis sesebuah, terutamanya golongan lelaki. Faktor kurangnya kesempatan untuk berinteraksi sekali lagi dapat menjelaskan keadaan ini.

Berbeza dengan interaksi yang bersifat kejiranan, isi rumah yang telah lama tinggal di lokaliti, khususnya yang memiliki rumah sendiri, cenderung untuk berinteraksi lebih giat melalui aktiviti persatuan dan ibadat, berbanding dengan golongan yang masih baru dan penyewa rumah. Hal ini mungkin dapat dikaitkan dengan persepsi isi rumah terhadap kejiranannya. Golongan yang baru tinggal di lokaliti, khususnya penyewa rumah, lazimnya menganggap kehadiran mereka di lokaliti hanya sementara sahaja. Mereka tidak perlu mengambil tahu atau terlibat dengan masyarakat secara rapat kerana umumnya mereka tiada kepentingan dan kurang tanggungjawab sosial. Jika persepsi tersebut dianggap sebagai negatif, maka masyarakat yang wujud boleh menjadi tidak bersepadu, tiada kesefahaman dan kurang hormoni kerana masing-masing kurang mengenali antara satu sama lain. Bagaimanapun, di Seksyen 1, Bandar Baru Bangi, bilangan golongan ini tidak ramai.

Golongan isi rumah yang memiliki kenderaan sendiri pula lebih berkecenderungan berinteraksi melalui kunjungan ke pusat membeli-belah yang jauh, berekreasi dan makan di restoran di dalam dan luar kawasan Bandar Baru Bangi. Umumnya, adanya kemudahan berkenderaan sendiri, terutamanya yang berpendapatan tinggi boleh menggalakkan pergerakan yang lebih kerap pada jarak yang lebih jauh. Sebahagian isi rumah berminat mengunjungi pasaraya, restoran makanan segera dan makanan panas khususnya di luar Bandar Baru Bangi. Walaupun interaksi seperti ini tidak dapat dikaitkan secara langsung dengan perpaduan sosial setempat, tetapi ia menunjukkan tentang kurangnya kemudahan membeli-belah dan kemudahan sosial lainnya di Bandar Baru Bangi. Hubungan ini sekali lagi turut menunjukkan pola interaksi sosial dipengaruhi secara signifikan oleh ciri-ciri status sosial dan ekonomi isi rumah.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, interaksi sosial di kalangan masyarakat Melayu (Islam) di Seksyen 1, Bandar Baru Bangi umumnya dianggap tinggi.

Selain faktor agama Islam yang menggalakkan penganutnya supaya menghormati jiran, pemilikan dan susunan rumah kediaman juga didapati mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap perlakuan interaksi kejiranan di kawasan tersebut. Hal ini menunjukkan perihal pentingnya perancangan dan corak susunan rumah kediaman dalam mewujudkan masyarakat yang bersepada dan harmoni. Keadaan ini turut diperkuuh dengan perlakuan isi rumah melalui aktiviti bukan kejiranan.

Bagaimanapun, pada dasarnya pengaruh agama dan corak serta pemilikan rumah kediaman hanya menjelaskan sebahagian daripada pola interaksi sosial di Seksyen 1. Interaksi sosial juga turut dipengaruhi status sosial dan ekonomi isi rumah. Bagi interaksi kejiranan, status pekerjaan mempunyai kaitan songsang dengan kekerapan berinteraksi. Manakala faktor lama tinggal di lokaliti dan pemilikan kenderaan turut mempengaruhi secara langsung kekerapan mereka berinteraksi. Kekerapan berinteraksi melalui penggunaan kemudahan (bukan kejiranan) pula, selain dipengaruhi oleh pemilikan rumah mengikut jenis, juga ditentukan oleh pemilikan kenderaan, pekerjaan dan lama tinggal di lokaliti, khususnya bagi interaksi melalui persatuan, bersukan, rumah ibadat dan makan di luar. Hal ini sekali lagi menunjukkan bahawa perancangan dan susunan rumah kediaman serta kemudahan sosial penting dalam menggalakkan interaksi di kalangan isi rumah di kawasan tersebut.

Secara umumnya, kajian ini menunjukkan betapa relevannya susunan rumah kediaman dan kemudahan sosial dalam mencetuskan suasana untuk berinteraksi di kalangan masyarakat Melayu (Islam). Jika semangat kerjasama, hormat-menghormati, harmoni serta persepaduan ingin ditanamkan di kalangan masyarakat moden yang terbandar seperti di Bandar Baru Bangi, maka salah satu strategi penting yang patut diberi pertimbangan ialah perancangan pola susunan rumah kediaman dan kemudahan sosial. Dalam hal ini, kejiranan yang mempunyai susunan rumah yang tidak hanya teratur tetapi juga terbuka dan tiada halangan untuk bersemuka sehingga kondusif bagi penghuninya berinteraksi, adalah bentuk kejiranan yang dapat membantu proses pembentukan masyarakat harmoni. Jika ia turut dilengkapi pula dengan kemudahan sosial yang sesuai dengan susunan dan darjah ketersampaian yang tinggi, maka proses tersebut akan dipermudahkan lagi.

#### RUJUKAN

- Abdullah Taib, Sanusi Osman & Abu Hassan Othaman. 1980. The pattern of ethnic interaction in Malaysia's plural society. The Eight Conference of Interactional, Association of Historians of Asia, Kuala Lumpur.  
 Abraham, C.E.R. 1981. Interaction in low cost, high-rise flat: Some considera-

- tions of social structure. *Negara* 4(1): 5-10.
- Coser, L. A. 1976. *Sociological Theory: A Reading*. New York: McMillan Pub. Co.
- Greenberg, M., Schneider, D. & Daiwood Choi. 1994. Neighborhood quality, *The Geographical Review*. 84(1): 1-15.
- Hanson, P. 1977. The activity patterns of elderly households. *Geografiska Annaler*, 59: 109-23.
- Hester, R.T. 1984. *Planning Neighborhood Space With People*. New York: Van Nostrand Reinhold Co.
- PKNS. 1990. Nota Taklimat Bandar Baru Bangi. Bangi: Jabatan Kemajuan Bangi.
- Sanusi Osman. 1985. *Bandar dan Pembandaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Seeley, I.H. 1973. *Outdoor Recreation and the Urban Environment*. London: McMillan.
- Sills, D. L. 1968. *International Encyclopedia of Social Science*, Vol. 7. New York: Free Press.
- Wan Halim Othman. 1986. Perancangan dan perlaksanaan kegiatan kejiranan. *Negara* 9(1): 1-13.
- Weiskopf, D.C. 1975. *A Guide to Recreation and Leisure*. Boston: Allyn & Bacon.
- Willmott, P. 1960. Housing density and town. *Town Planning Review*, 32: 115-26.
- Zaharuddin M. Alias. 1978. The Economic Policy and the integrated housing model. *Ilmu Alam* 7:23-35.

Jabatan Geografi  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan

